

09/02/1999

Peluang Umno tawan Kelantan cerah

TASIK KENYIR, Isnin - Kegagalan Pas memerintah Kelantan sejak 1990 melaksanakan program pembangunan Islam dan memajukan negeri mencerahkan peluang Umno dan Barisan Nasional (BN) merampas semula pemerintahan negeri itu dalam pilihan raya umum akan datang.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, berkata selama hampir 10 tahun memerintah, Pas didakwa hanya mengutamakan program ceramah daripada melaksanakan program memaju dan memakmurkan rakyat Kelantan.

Katanya, ini menjadikan sokongan rakyat Kelantan terhadap Umno dan BN bertambah dan mereka menunggu pilihan raya umum diadakan untuk menjatuhkan Pas.

Sehubungan itu, katanya, BN terpaksa menyenaraikan calon yang lebih baik dan berwibawa serta memenuhi pelbagai profesion bagi membolehkan kerajaan negeri yang akan dibentuk nanti, mampu mentadbir negeri dengan cemerlang.

"Selain manifesto BN, Umno Kelantan juga menyediakan manifesto khas dengan tumpuan utama terhadap dasar pentadbiran dan agihan tanah, sistem bekalan air, pentadbiran kerajaan negeri, pengiktirafan kakitangan kerajaan negeri dan tenaga agama dan program keagamaan serta komitmen membela rakyat termiskin," katanya.

Annur juga Pengerusi BN Kelantan berkata, BN sebagai pembangkang di negeri itu sudah membuat persiapan awal bagi menghadapi pilihan raya umum nanti, termasuk menganjurkan 208 bengkel jentera pilihan raya membabitkan 10,000 tenaga penggerak.

"Ketika ini proses perundingan dengan pemimpin tempatan sedang diadakan bagi menentukan calon yang layak untuk disenarai dan akan dikemukakan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memutuskannya," katanya.

(END)